

Hapus cukai untuk galak beli-belah

Oleh AIRY LIM

KUALA LUMPUR, Rabu — Strategi kerajaan menghapuskan cukai ke atas pelbagai jenis barang yang sebelum ini dikenakan kadar yang tinggi adalah untuk meningkatkan aktiviti membeli-belah di kalangan rakyat dan pelancong, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata adalah jelas strategi itu tepat dan berkesan sekaligus membantu industri pelancongan yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat.

"Tetapi harus diingat bahawa kesan strategi itu bergantung kepada sejauh mana berkesannya penghapusan cukai kepada pembeli.

"Jika peniaga membolot semua pengurangan cukai bagi diri sendiri, maka harga tidak akan turun. Ia tidak akan menjadi daya penarik kepada pembeli," katanya berucap merasmikan kompleks membeli-belah terbaru, Lot 10, di Kuala Lumpur, malam tadi.

Sehubungan itu beliau menasihatkan peniaga mengamalkan strategi mengambil untung yang sederhana bagi membolehkan me-

reka menikmati keuntungan berpanjangan.

Perdana Menteri berbangga kerana perbuatan itu tidak dilakukan oleh peniaga di Kuala Lumpur.

Berikutan itu, katanya persaingan mengikut etika perniagaan adalah satu amalan yang perlu bagi setiap peniaga dalam mewujudkan suasana yang sihat.

Katanya, persaingan sihat memberi manfaat kepada semua pihak termasuk peniaga, pengunjung dan mereka yang membeli-belah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pertumbuhan ekonomi yang pesat dan negara aman serta stabil membolehkan ramai rakyat membeli pelbagai barang mengikut citarasa sendiri.

Menurutnya, pekerja di pusat membeli-belah pula hendaklah terus melayan pelanggan dan membantu menjayakan perdagangan runcit yang turut membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Perdana Menteri turut meminta pemilik bangunan kompleks membeli-belah supaya lebih bertanggungjawab dan menjaga bangunan masing-masing.